

# ISU LIMBANG: KENYATAAN BELA DIRI KETUA PENGARANG REVIEW

2 OCT 1987

KUALA LUMPUR 1 Okt. — Penerbit Majalah Far Eastern Economic Review (FEER) dan Ketua Pengarangnya, Derek Davies hari ini menjelaskan

Oleh Faridah Hashim

sekiranya penapisan Kementerian Dalam Negeri (KDN) membuktikan adanya perkara - perkara

yang bertentangan dengan undang - undang, maka majalah tersebut tentu tidak dibenarkan memasuki pasaran tempatan.

Kedua - dua defenden itu berkata, penerbitan majalah yang mengandungi rencana mengenai isu Limbang dibenarkan setelah pihak KDN mengambil masa enam hari untuk menelitinya.

FEER dan Encik Davies memberitahu demikian di dalam kenyataan bela diri mereka berhubung saman yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ekoran penyiaran rencana mengenai isu Limbang di dalam majalah itu terbitan 21 Mei lalu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menuntut perintah mahkamah menghalang kedua - dua defenden daripada menyiarkan atau menyebabkan penyiaran perkataan - perkataan yang serupa yang beliau dakwa memalukan beliau. Dalam kenyataan tuntutan

beliau, Perdana Menteri mendakwa ruangan 'Intelligence' di dalam majalah itu telah memuatkan rencana yang menyentuh mengenai beliau dan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri. Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri mendakwa rencana bertajuk 'Sarawak Sale?' atau *Jualan Sarawak* mengandungi perkataan - perkataan yang memberi maksud bahawa beliau terlibat dalam cubaan secara sulit yang bertentangan dengan perlembagaan untuk menjual kepada Kerajaan Brunei sebahagian daripada Negeff Sarawak. Rencana itu, menurut beliau, memberi erti bahawa beliau terlibat dalam memutuskan untuk berbohong mengenai tujuan lawatan beliau ke Brunei. Kenyataan tuntutan Datuk Sri Dr. Mahathir yang dikemukakan pada 11 Ogos lalu juga menyebut bahawa rencana yang disiarkan itu membawa

**LIHAT MUKA 6**

## Isu Limbang: Kenyataan **bela diri** 2007 1987

maksud beliau tidak layak bertindak sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Dalam kenyataan bela diri mereka hari ini, FEER dan Encik Davis menafikan bahawa rencana yang disiarkan itu membawa maksud yang buruk seperti yang didakwa oleh Perdana Menteri.

Kenyataan bela diri mereka juga menyebut, di bawah Seksyen 9(1) Akta Penerbitan dan Percetakan 1984 memperuntukkan bahawa seorang pegawai kanan yang diberi kuasa boleh menolak kemasukan ke dalam negara, sebarang penerbitan yang didapati mengandungi artikel yang bertentangan dengan undang - undang dan pegawai itu juga berkuasa membenarkan kemasukan penerbitan itu setelah membuat pembetulan atau penapisan bahagian - bahagian artikel itu.

Defenden mendakwa kuasa tersebut dilaksanakan oleh pegawai - pegawai cawangan khas atau pegawai - pegawai yang diberi kuasa di bawah penyeliaan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Mereka juga mendakwa bahawa penerbitan majalah itu tertangguh selama enam hari di bawah penelitian KDN dan diluluskan untuk diterbitkan tanpa sebarang penghapusan, pemotongan, pembatalan mana - mana bahagian dibuat oleh pihak kementerian itu.

"Oleh yang demikian, penerbitan perkataan - perkataan yang terkandung di dalam majalah itu nyata sekali atau disertai dengan kebenaran KDN," jelas kenyataan tersebut.

Kedua - dua defenden itu selanjutnya menambah, sebarang tindakan KDN di bawah kuasa yang diberikan di bawah Seksyen

9 itu dilaksanakan di bawah kuasa Kerajaan Malaysia. Plaintiff, kata kenyataan itu, sebagai orang yang mengetuai KDN dan Ketua Kerajaan Malaysia, memberi kuasa atau dengan nyata atau memberi persetujuan tanpa kata kepada tindakan KDN meluluskan penerbitan edisi yang mengandungi perkataan - perkataan tersebut.

FEER dan Encik Davis mendakwa andainya perkataan - perkataan yang didakwa itu memalukan, ia diterbitkan atas dasar perlindungan bersyarat.

Kedua - dua defenden menjelaskan bahawa penyiaran artikel mengenai Limbang itu dibuat setelah menimbangkan bahawa ia adalah perkara yang menjadi kepentingan umum, khususnya rakyat Malaysia dan Brunei.

Menurut sejarah, Limbang telah lama dituntut oleh Kerajaan Brunei sejak 1890 dan memandangkan ia menjadi bualan umum, maka FEER mengambil langkah menyiarkan rencana mengenai Limbang sebagai tugas sosial dan moral kepada para pembacanya yang juga mempunyai tugas, minat atau hak untuk mengetahuinya.

Majalah itu, menurut defenden, dibaca oleh kalangan orang yang berpengaruh di negara ini dan tindakan Perdana Menteri atau kemungkinan perubahan garis sempadan negeri - negerinya adalah perkara yang menjadi perhatian umum dan para pembacanya.

Kenyataan pihak defenden selanjutnya menyebut, andainya perkataan - perkataan itu memalukan, pihaknya menuntut tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia atas

alasan mereka memberi kuasa, memberi persetujuan tanpa kata, terhadap penyiaran perkataan - perkataan itu.

Kedua - dua pihak KDN dan kerajaan juga dituntut sebagai pihak ketiga atas alasan bahawa mereka telah melanggar kewajipan statutori yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka oleh Seksyen 9 akta berkenaan dan menyebabkan pengedaran majalah itu kepada masyarakat umum di Malaysia.

Berhubung dengan dakwaan Perdana Menteri terhadap kenyataan maaf FEER, pihak itu menyatakan bahawa ia adalah komen berpatutan mengenai perkara kepentingan umum terutama tindakan plaintiff sebagai Perdana Menteri dan mengenai garis sempadan wilayah - wilayah di negeri - negeri Persekutuan.

Kenyataan minta maaf itu juga, menurut defenden, dibuat atas dasar perlindungan bersyarat. Pihak defenden juga akan mengemukakan keterangan dalam rayuan terhadap gantirugi bahawa sebelum tindakan terhadap mereka diambil, mereka telah menyiarkan satu kenyataan minta maaf dan selanjutnya, pihak defenden menafikan adanya sebarang tujuan di sebalik penyiaran kenyataan minta maaf itu.

Peguam Encik Mohd. Shafee Abdullah yang mewakili FEER dan Encik Davis ketika dihubungi memberitahu bahawa pihaknya akan mengemukakan permohonan di Mahkamah Tinggi untuk menamakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kerajaan Malaysia sebagai pihak ketiga dalam saman Perdana Menteri itu.